

**WEBINAR ON
ISLAMIC PHILOSOPHY**
Reviews on Schools of Thought and Contemporary Debates

13 -14 March 2021, 9am - 6pm (MYT)

Opening Remarks by Professor Emeritus Datuk Dr Osman Bakar, ISTAC, IIUM.
CONTEMPORARY ISSUES: RESPONSES FROM ISLAMIC PHILOSOPHY

13
Dr Fathul Muflid, IAIN Kusub
Dr Megawati Morris, ILM
Dr Khosro Ali Bahari, STTI, Jakarta
Dr Khulaina Khalil, ISS
Jamal Elayeb, WVIC, Morocco
Dr Akbar Rofiqi, PPFPM
Dr Ahmad Zuhri Ismail, UM
Dr Benny Susilo, STTI, Jakarta

14
Dato Baharudin Ahmad, Former Professor AQWARA
Dr Mansoor Limbo, Ateneo De Davao University, Philippines
Dr Amel Alwan, ILM
Dr Robby Abur, UIN Sunan Kalijaga
Dr Marhami Zaidi, UTM
Dr Anwar Fauzi, STTI, Jakarta
Dr Nurul Ain Norman, PPFPM
Herman Fiel, PPFPM

Join us at ZOOM
Attendance Fee: RM 30

Contact:
Dr. Ain +60192666447
Helaman +60133467919

Registration through <https://forms.gle/dV5jB5RzWvztgnr7>
before 11 March 2021

HIMPUNAN ABSTRAK

NARADATA FALSAFAH ISLAM

Meninjau Aliran dan Perdebatan Kontemporari

TARIKH:

13-14 Mac 2021

TEMPAT:

ZOOM, PPFPM

ANJURAN BERSAMA:

**PERSATUAN PENDIDIKAN FALSAFAH DAN PEMIKIRAN MALAYSIA
PERBADANAN PERPUSATAKAAN AWAM SELANGOR**

Dr H. Fathul Mufid, Institut Agama Islam Negeri Kudus (IAIN), Indonesia.

Perdebatan Paradigma Epistemologi: Tiga Aliran Filsafat Islam (Peripatetik, Iluminasi dan Transenden Teosofi)

Diskursus epistemologi dalam keilmuan Islam menurut catatan sejarah telah terjadi sejak abad pertama Hijriyah dan berlanjut abad kedua Hijriyah. Ketika filsafat Islam muncul pada abad ketiga Hijriyah menambah deretan diskursus epistemologi didalam pergumulan keilmuan Islam. Tujuan tulisan ini adalah untuk mengungkap perdebatan epistemologi khusus pada pemikiran filsafat Islam dari ketiga aliran yang populer; yaitu aliran peripatetik, iluminasi, dan transenden teosofi. Sebagai kajian kepustakaan filsafat yang bersifat kualitatif, maka metode yang digunakan adalah deskriptif-analisis dengan menggunakan metode hermeneutika filsafat dalam analisis datanya. Temuan dari kajian ini adalah bahwa para filosof Muslim Peripatetik mengedepankan akal atau rasio sebagai alat yang paling dominan untuk memperoleh pengetahuan yang benar dengan menggunakan metode demonstratif (*burhānī*). Sementara filosof iluminasi berprinsip bahwa pengetahuan hakikinya dapat diperoleh melalui intuisi-mistik setelah melalui proses penyucian jiwa dengan berbagai bentuk latihan rohani. Sementara epistemologi transenden teosofi menggunakan tipe “hikmah” yaitu pepaduan antara visi rasional dengan visumistik yang kemudian diselaraskan dengan syari’at.

Kata kunci: Epistemologi, ilmu, pengetahuan, rasio, intuisi, filsafat.

Dr Megawati Moris, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Satu Kritikan ke atas Isu Terminologi Falsafah Islam (Islamic Philosophy) oleh Peter Adamson.

Semenjak disiplin falsafah Islam diterjemahkan kepada bahasa Inggeris timbul perbahasan dan perbalahan berkenaan apa istilah, terma atau nama dalam bahasa tersebut seharusnya diberi kepada disiplin falsafah atau hikmah dalam tradisi intelektual Islam. Beberapa istilah yang lazim diberi oleh sarjana Barat dan Islam adalah ‘Islamic philosophy’, ‘Muslim philosophy’ dan ‘Arabic philosophy’. Kebelakangan ini satu lagi istilah iaitu ‘philosophy in the Islamic World’ telah diperkenalkan oleh seorang sarjana dan ahli falsafah dari Barat bernama Peter Adamson dari LMU (Ludwig Maximilian University) Munich. Beliau menggunakan istilah ini kerana ia paling sesuai dan pada pendapat beliau istilah Islamic philosophy terlalu “obvious” atau jelas. Kertas kerja ini pertamanya akan membincang istilah-istilah yang berbeza diberi kepada disiplin falsafah atau hikmah dan keduanya akan menunjukkan mengapa nama ‘Islamic philosophy’ adalah yang paling tepat untuknya. Saya akan menyanggah mengapa istilah yang diberi oleh Adamson adalah tidak tepat dan tidak membicarakan makna hakiki disiplin falsafah dan peranan yang dimainkan dalam tamadun Islam. Isu ini adalah sangat penting oleh kerana menggunakan dan menerangkan istilah yang betul menunjuk bagaimana falsafah Islam adalah ‘Islamik’ secara hakikatnya dari segi aspek pandangan hidup, dasar-dasar, ciri-ciri dan kaedahnya. Ini menentang fahaman umum bahawa Islam tidak mempunyai tradisi falsafahnya sendiri. Memahami makna dan peranan falsafah Islam (Islamic philosophy) yang benar adalah penting untuk menolak pandangan umum bahawa tradisi Islam bersifat antirasional dan emotif.

Kata kunci: Terminologi/Istilah, Tradisi, Makna, Falsafah Islam, Peter Adamson.

Dr Ahmad Zuhdi Ismail, Universiti Malaya (UM).

Pendekatan Falsafah Teori (*hikmah nazariah*) dan Falsafah Praktikal (*hikmah amaliah*): Perbincangan tentang Fitrah Manusia.

Bermula daripada falsafah pra-Socrates sehinggalah kepada zaman Mulla Sadra pemikiran falsafah dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu falsafah teori (*hikmah nazariah*) dan falsafah praktikal (*hikmah amaliah*). Pendekatan bentuk tersebut sentiasa digunakan oleh Ibn Sina didalam kitabnya *Mantiq al-Syifa*, *Ilahiyyat al-Syifa* dan *al-Mubahathat*. Perbincangan ini berkisar pada suatu ilmu yang membincangkan tentang hakikat kewujudan sesuatu seperti kewujudan alam semesta serta sistem pentadbiran alam yang terdiri daripada pelbagai unsur yang terbatas. Sementara itu falsafah praktikal pula menjelaskan pengetahuan tentang perilaku manusia dalam perspektif ikhtiar atau pemilihan untuk melaksanakan sesuatu perkara atau tidak. Persoalan yang timbul di sini ialah, apakah sistem yang terbaik atau lebih sempurna harus dilakukan oleh manusia. Persoalan kedua ialah apakah pendekatan yang terbaik boleh dilaksanakan oleh manusia untuk mencapai tahap insan yang kamil. Dapatan kajian mendapati bahawa falsafah teori adalah bersifat menjelaskan (*khbariah*) manakala falsafah amali pula bersifat membina atau membangun sesuatu perkara berkaitan dengan sesuatu kritikan atau pemikiran (*insya'iyah*). Falsafah amali merujuk kepada persoalan tugas dan kewajipan manusia. Ini bererti manusia mempunyai kapasiti yang tinggi tentang tugas dan kewajipan untuk mencapai nilai murni kemanusiaan. Kemurnian tersebut bukan hanya di pandang dari sudut undang-undang ilahiyah atau manusiawi tetapi tertakluk juga kepada kekuatan akal yang mampu menjelaskannya. Seterusnya akal bertindak sebagai hakim terhadap sesuatu perkara. Ringkasnya falsafah teori menjelaskan tentang hakikat kewujudan sesuatu sebaliknya falsafah amali menghuraikan tentang “harus atau tidak harus” tentang perintah dan larangan.

Kata kunci: Falsafah teori (*hikmah nazariah*), falsafah praktikal (*hikmah amaliah*), akal, ikhtiar manusia.

Dr. Benny Susilo, Sekolah Tinggi Filsafat Sadra (STFI), Indonesia.

Pengalaman Mistik dalam Perspektif Filsafat Peripatetik, Filsafat Iluminasi, dan Filsafat Transendental.

Underhill mendefinisikan mistisisme sebagai suatu seni penyatuan dengan Realitas (mysticism is the art of union with Reality). Pencapaian ini diraih tidak melalui fakultas inderawi maupun akal. Kingsland menyebutnya fakultas supernormal yang melampaui intelek. Pengalaman penyatuan dengan Realitas ini disebut pengalaman mistik (mysticalexperience). Secara epistemologis, pengalaman mistis adalah sebuah status kesadaran yang tidak biasa (non-ordinary) yang terjadi akibat sebuah kontak dengan suatu objek actual. Objek actual ini kadang disebut Realitas, Yang Ril, Absolut, Tak Terbatas, atau Tuhan. Sharpe menyebut status ini sebagai pengetahuan mistis atau pengetahuan langsung menyangkut Tuhan yang merupakan puncak relasian tara jiwa manusia dan Dia. Ada dua pertanyaan filosofis utama yang mendominasi diskursus mistisisme sejak Wiliam James, menurut Rothberg, adakah kesamaan antara pengalaman mistik (mystical experience) dari berbagai kultur dan tradisi dan apakah klaim bahwa pengalaman mistik memberikan pengetahuan menyangkut aspek tertentu atau realitas secara keseluruhan dapat diterima? Makalah ini bertujuan menggali pandangan tiga madrasah Filsafat Islam (Peripatetik, Iluminasi dan Transendental) terkait dua pertanyaan di atas Metode Koherensi Intern dan Metode Hoslistika diterapkan dalam penelitian guna memadukan berbagai prinsip konseptual dan proposional seperti struktur

eksistensi (*nizam al-wujud*), kausalitas (*'iliyah*) ilmu hudhuri, Ilmu Jiwa Falsafi dan sulu kamal pada masing-masing madrasah filsafat.

Kata kunci: pengalaman mistik (mystical experience), perennialis, konstruktivis, filsafat Islam, ilmu hudhuri.

Dr Mohammad Alinor Abdul Kadir, Persatuan Pendidikan Falsafah dan Pemikiran Malaysia (PPFPM).

Falsafah Matematik dan Falsafah Islam.

Tidak banyak sebenarnya tumpuan analisis kritis diberikan kepada bidang Sains dan Teknologi Moden oleh sarjana-sarjana Muslim sedunia. Malah, bidang ini kelihatannya dipinggirkan sahaja dalam banyak seminar/penerbitan yang berpaksikan Keilmuan Islam. Namun, satu yang agak baik analisisnya adalah seperti yang diberikan oleh S.H. Nasr. Beliau merumuskan bahawa Sains dan Teknologi Moden sebagai berikut : (i). Membuang aspek Ketuhanan; (ii). Bersifat mekanistik; (iii). Berteraskan kepada pemikiran Rasional dan Empirik; (iv). Memisahkan benda yang mahu diketahui dengan manusia yang mahu mengetahui; (v). Melakukan eksploitasi berlebihan terhadap alam;(vi). Menyetujui Teori Evolusi. Beberapa makalah yang agak baik berusaha mengembangkan perumusan ini, hingga kepada puluhan pecahan sifat yang lain. Namun, agak sedikit malah mungkin tiada yang berusaha menunjukkan bahawa Falsafah Islam sesuai menggantikan Falsafah Sains Moden ini. Didalam pembentangan ini, kami akan berusaha meninjau 3 bidang utama yang merupakan landasan kepada Sains dan Teknologi Moden, iaitu Logik/Mantik, Aritmetik dan Geometri.

Kata kunci: Falsafah Nombor/Aritmetik, Falsafah Geometri.

Dr Kholid al-Walid, Sekolah Tinggi Filsafat Islam Sadra (STFI), Jakarta.

Teori Gerak antara Mulla Sadra dan Henry Bergson.

Gerak adalah salah satu tema yang cukup mendapatkan perhatian yang intens di kalangan para Filosof. Persoalan tentang Gerak diawali oleh diskursus apakah Alam Semesta ini bersifat konstan atau berubah. Umumnya Filosof dan khususnya Filosof Muslim meyakini bahwa Alam tidaklah konstan tetapi mengalami proses perubahan yang permanent. Perubahan yang bersifat bertahap dari potensialitas menuju aktualitas adalah makna Gerak yang dikemukakan oleh para Filosof Muslim. Mulla Sadra sebagai pendiri Madrasah Filsafat Hikmah Muta'aliyyah dalam karyanya "*al-Hikmah al-Muta'aliyyah fi al-Asfar al-Aqliyyah al-Arbaah*" membahas persoalan gerak dengan cukup mendalam dan bahkan mengemukakan teori baru tentang gerak yang terjadi bukan hanya pada tingkat aksidental (*Harakah fi al-Aradh*) bahkan juga dia buktikan gerak terjadi pada tingkat Substansi (*Harakah fi al-Jawhar*). Teori Gerak Mulla Sadra ini kemudian menjadi rujukan utama oleh para Filosof Muslim berikutnya dalam pandangan filsafat mereka. Di Barat Henri Bergson(1859-1941) merupakan filosof Perancis yang sangat terkenal di Barat dan menulis karya tentang Gerak dengan judul "Time and Will: And Essay on the Immediate Data of Consciouness" sebuah pandangan tentang Gerak yang cukup menarik dan telah menimbulkan diskursus yang cukup panjang di Barat. Karenanya menjadi studi yang menarik untuk melihat pandangan kedua Filosof ini dan membandingkan di antara kedua teori tentang gerak yang digagas masing-masing.

Kata kunci: Mulla Sadra, Henry Bergson, gerak, *harakah*, ruang, waktu.

Dr Khalina Mohamed Khalili, Islamic & Strategic Studies Institute (ISSI), Malaysia.

Criticisms of Ontological Relativism in Modern Science by Syed Naquib AlAttas dan Seyyed Hossein Nasr.

Science might deny the importance of philosophy in its practice. However, the current disputes known as ‘science war’ is a consequence of ontological disputes that have been part and parcel of philosophy since its beginnings. There recognition of ontological disputes between realists and anti-realists marks the proliferation of multiple theories and thus the rise of relativism in science. This paper probes into the criticisms by Syed Muhammad Naquib al-Attas and Seyyed Hossein Nasr on the ontology of modern science as part of a deeper research into their philosophy of science and nature respectively. This is a qualitative research based on historical, doctrinal and comparative aspects of the primary works by the two scholars. The arguments are presented within the scope of philosophy of science based on the framework of the Islamic intellectual tradition. Al-Attas and Nasr’s criticisms on ontology are accompanied by their solutions to the problems of knowledge. Thus, we find that a wider and transcendental epistemology is possible for understanding the multiple levels of reality subsumed within the metaphysics of Islam, which opens the door to reality and truth.

Keywords: Islamic epistemology, Islamic science, Ontology, relativism, science.

Jamal Elyabass, Wisdom and Knowledge Center, Morocco.

Towards a Reformation of Philosophy within the Reformation of the Human Mind (ʿaql) in the View of Abed Aljaberi

The question why the Arab world has failed to keep pace with the rapid progress of the world was the cause of Al-Jaberi's posit of his critical intellectual project. Al-Jaberi's huge project in his criticism of the Arab mind is a process of dissecting of the structure and formation of this mind, a historical digging of its origins and the beginnings of its formation, and depicting of its features. The psychological treatment that Al-Jaberi followed in establishing his critical project, by going back to the beginning (inception) of the formation of the Arab mind, had a significant impact on understanding the structure of this mind in the current and future era. The mind must first be reformed as it is the template and vessel that includes the scientific and knowledge material, then it will itself interact with the scientific material in order to produce a new knowledge of logic and reason free from myths and superstitions. Every nation has its own cultural legacies that are known and learned generation after generation, as well as legacies in its imagination/ the cognitive subconscious which is also an important determinant of that nation's culture.

Keywords: Al-Jaberi’s critical intellectual project, reformed mind, cognitive subconscious.

Prof. Madya Dr. Amilah Awang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Taha Abdur Rahman dan Pemerkasaan Akhlaq sebagai Asas kepada Falsafah Agama: Satu Penilaian Semula Terhadap Kerangka Maqasid Syariah.

Maqasid Syariah merupakan satu konsep yang semakin popular dalam menterjemahkan kedudukan falsafah agama Islam dalam menjawab permasalahan kemanusiaan. Ianya semakin berkembang dan mendapat perhatian ramai pemikir Islam moden terutama dalam menangani isu-isu semasa. Kajian ini menyorot pemikiran Dr. Taha Abdur Rahman seorang tokoh falsafah Islam yang semakin berpengaruh di persada dunia terhadap kerangka Maqasid Syariah. Ia dimulakan dengan pendedahan tentang permasalahan tentang maksud Syariah dan Akhlak secara umum dan seterusnya melihat kedudukan dan kaitan diantara keduanya di dalam falsafah agama Islam disisi Taha dan juga kedudukan akhlak di dalam agama serta kedudukan syariah dan akhlak supaya memahami kerangka falsafah agama yang dimaksudkan beliau. Kajian menunjukkan bahawa Taha mempunyai pendekatan yang berbeza daripada para pemikir tentang maqasid yang lain. Berbanding dengan kebanyakan pemikir yang menjadikan kerangka undang-undang atau hukum sebagai asas kepada falsafah agama, beliau memperkasakan kedudukan akhlak yang menggariskan prestasidan perbuatan manusia sebagai objektif atau matlamat syariah berbanding hukum. Metod beliau untuk mencapai maqasid juga adalah unik dengan menampilkan lapisan daya taakulan yang bermula dengan 'aql mujarad dan 'aql musaddad dan berakhir dengan 'aqlmu'ayad yang sekaligus memahkotakan akhlak sebagai kemuncak kepada matlamat ini. Kerangka yang dibawa juga dilihat bersifat original dengan menjadikan kerangka akhlak atau penampilan manusia sebagai kerangka utama falsafah agama Islam berbanding kerangka yang bersifat hukum feqah yang bukan sahaja menekankan kemampuan Islam dalam merangka hukum baik dan buruk tetapi juga merangka kecemerlangan yang dicapai manusia terutama di dalam tindakan dan perbuatan manusia yang seterusnya menekankan prestasi yang cemerlang manusia.

Kata kunci: Maqasid Syariah, Taha Abdur Rahman, falsafah agama.

Dr Mahfuzah Mohammed Zabidi, Universiti Teknologi MARA (UITM- Cawangan Pasir Gudang, Johor)

Perbandingan Pendekatan Pembinaan Akhlak dari Perspektif Al-Attas dan Said Nursi

Akhlaq mulia adalah fokus dan matlamat akhir proses pendidikan dalam Islam. Kerosakan akhlak bukan sahaja menyebabkan penderitaan jiwa individu malah mengekang kemajuan dan kesejahteraan masyarakat sama ada di peringkat lokal mahupun global. Artikel ini menganalisis falsafah akhlak yang diketengahkan oleh dua orang tokoh iaitu Syed Muhammad Naquib Al-Attas dan Badiuzzaman Said Nursi. Pemikiran kedua-dua tokoh ini mempunyai impak dan kepentingan untuk mengatasi cabaran pemikiran atheisme dan sekularisme yang merosakkan makna diri dan tujuan hidup manusia. Falsafah akhlak menekankan pembentukan sifat mulia yang utama iaitu *al-hikmah*, *al-syajaah*, *al-iffah* dan *al-adalah*. Meskipun terdapat perbezaan dalam pendekatan, namun kedua-dua tokoh ini melihat titik mula dalam pembentukan akhlak adalah meluruskan kefahaman tentang makna beragama. Justeru, pendekatan pembinaan keimanan berasaskan logik yang terpandu oleh Al-Quran digunakan. Al-Attas menumpukan kepada pencerahan konsep-konsep penting seperti perjanjian asali, insan kamil, ilmu dan adab dalam membentuk makna pendidikan dalam Islam yang disebut sebagai *taadib*. Said Nursi menghuraikan ayat Al-Quran secara tematik dengan memberikan perumpamaan berdasarkan kejadian alam dan pengalaman

manusia. Alam diibaratkan sebagai cermin bagi hakikat yang terkandung dalam Al-Quran untuk ditafakkurkan oleh manusia. Kedua-dua tokoh ini mengangkat tema peneguhan tauhid dengan pemikiran yang *wasat* yakni tidak ekstreme sebagai jalan pembersihan minda dari kekeliruan dan penjernihan jiwa dari sifat *mazmumah* yang merosakkan fitrah manusia.

Kata kunci: Adab, akhlak, falsafah akhlak, pendidikan Islam, Al-Attas, Said Nursi.

Dr Robby H. Abror, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga (UIN), Yogyakarta.
Kebenaran dan Pasca-Kebenaran dalam Wacana Keagamaan.

Imam al-Ghazali mencerna kebenaran dalam proses keraguan yang mendalam. Tasawuf mengantarnya pada kebenaran melalui pengetahuan mistik, kendati pun kerap kali dianggap bersifat subjektif. Menjelaskan kriteria kebenaran yang objektif dalam pengalaman Al-Ghazali dibutuhkan kriteria yang jelas, metode yang konsisten dan objektif sebagaimana dituntut oleh ilmu pengetahuan. Filsafat Yunani menerangkan hakikat kebenaran. Kaum sofis merelatifkan dan mensubjektifkan kebenaran. Manusia ukuran segala sesuatu. Di era pasca kebenaran, kebenaran wujudnya relatif dan nir-otentisitas. Setiap orang merasa bahwa pendapatnya yang paling benar daripada fakta objektif. Orang tidak lagi bicara objektivitas, tapi merasa objektif daripada objektivitas itu sendiri. Kesucian agama berada dalam kepungan teror opini dan semiotisasi mitos kebenaran. Wacana keagamaan berhadapan dengan pesona citra dan kebebasan hasrat manusia yang lebih suka mengonsumsi kedangkalan daripada nilai-nilai transendental agama.

Kata kunci: filsafat, agama kebenaran, pasca kebenaran.

Hilman Fikri Azman, Persatuan Pendidikan Falsafah dan Pemikiran (PPFPM).

Islamisasi dan Integrasi Ilmu Pasca Persidangan Mekah 1977: Cabaran dan Keanjalan Pendekatan

Krisis pendidikan moden yang kontang nilai dan budaya telah mencetus kesedaran akan pentingnya rombakan dan pembaharuan dalam sistem pendidikan di negara-negara majoriti Muslim. Walhasil sekumpulan sarjana dan pemimpin telah menggerakkan usaha untuk menganjurkan Persidangan Pertama Pendidikan Islam Sedunia di Mekah pada tahun 1977 dengan matlamat mengetengahkan idea-idea pembaharuan epistemologi dan memikirkan semula kaedah dalam pedagogi yang diwarisi semenjak zaman penjajahan. Menyusulinya adalah Persidangan Kedua anjuran Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT) di Islamabad pada tahun 1982, yang mula mempopularkan istilah pengislaman ilmu pengetahuan (*Islamization of knowledge*) sebagai agenda pendidikan umat, merintis jalan kepada wacana pembaharuan dan upaya penerbitan kajian baru serta penubuhan institusi-institusi pengajian Islam di serata dunia. Namun, sebagai suatu proses yang terangkum dalam latar budaya dan pemikiran tertentu, projek pengislaman ilmu pengetahuan tidak terlepas daripada kritikan dari sarjana Muslim dan selainnya, terutama dari Barat. Ini menggerakkan generasi sarjana kontemporari yang terkemudian untuk memikirkan semula kaedah pengislaman ilmu pengetahuan dengan mempertimbang kelompongan yang ada, sebelum hadir dengan penyelesaian sintesis yang dijoloki sebagai integrasi ilmu pengetahuan (*integration of knowledge*).

Kata kunci: epistemologi, integrasi, pedagogi, pembaharuan, Persidangan Mekah, sintesis.

Dr Amar Fauzi, Sekolah Tinggi Filsafat Islam Sadra (STFI), Jakarta.

Filsafat Ekonomi Islam: Klasik ke Moden.

Sejak awal kali Filsafat didisiplinkan oleh Aristoteles dan dipetakan dalam pembagian utama: Filsafat Teoretikal dan Filsafat Praktikal, Filsafat Ekonomi atau Ekonomikos (Arab: *tadbir al-manzil*) sudah ditempatkan sebagai bagian penting Filsafat Praktikal. Posisi bidang filsafat ini di dalamnya tepat berada di tengah, di antara Etika (*al-akhlaq*) dan Politik (*siyasat al-mudun*), yakni bertolak dari Etika dan berlanjut ke Politik. Pemetaan ini juga mentradisi dalam filsafat Islam. Filosof Muslim dahulu tidak hanya tajam menelaah realitas dan kebenaran, tetapi juga meletakkan hasil-hasil telaah teoretisnya sebagai pijakan dan kerangka dalam merumuskan kebaikan dan kebahagiaan manusia di tingkat personal (Etika), keluarga (Ekonomika) dan masyarakat (Politika). Hanya saja, perumusan di tingkat-tingkat itu masih timpang; terlaksana secara tidak merata. Setelah Abu Nasr Al-Farabi, masalah-masalah Filsafat Ekonomi tidak lagi ditelaah selain hanya disinggung oleh para filosof dalam karya-karya Etika dan Politik. Dalam tiga mazhab utama Islam: Masya'iyah, Hikmat Al-Isyraq dan Hikmah Muta'aliyah, sulit dijumpai pembahasan apalagi karya khusus tentang bidang penting dari Filsafat Praktikal ini. Tidak berlebihan bila kini dikatakan bahwa Filsafat Ekonomi dalam tradisi filsafat Islam sudah terabaikan dan nyaris punah. Untuk itu, perlu kesadaran untuk menggali faktor-faktor penyebab ketimpangan dan pengabaian terhadap Filsafat Ekonomi, meninjau kembali signifikansi bidang filsafat ini, dan menimbang tantangan, tuntutan serta relasi-relasinya dengan ilmu-ilmu sosial di era mutakhir yang berkembang di dalam dan di luar dunia Islam. Dalam peninjauan dan penimbangan ini pula dapat diraba kasar-lambutnya persentuhan nilai-nilai dasar Filsafat Ekonomi dalam tradisi Filsafat Praktikal dan tradisi Islam.

Keywords: Filsafat Teoretikal, Filsafat Praktikal, Ekonomikos, keadilan, cinta.

Dato Baharudin Ahmad, Mantan Profesor di Akademi Seni dan Budaya Warisan Kebangsaan Malaysia (ASWARA) dan International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Eschatology in Religion, Cultural Tradition and Contemporary Research.

This is a presentation on the eschatological phenomena as known and mentioned in the various traditions such as in Islamic tradition, Tibetan Buddhism, Greek Tradition especially Plato, American Native Tradition especially Black Elk, as well as some verbal reports made by individuals. The cultural tradition of the native Sabahan which belongs to Bomo Hizan's intermediaries in the ceremony of the dead. Our discussion will touch the experience of those who undergo the phenomena of dying, their experience after leaving the body, imageries which they encounter, the return to their bodily life and their perceptions of life and death thereafter. In order to give a more detailed idea, we will be discussing the modern writings in the field of clinical death as reported by many researchers who are medical doctors themselves such as Grey Henry Elisabeth Kubler-Ross, Raymond Moody and Peter Fenwick. In the Islamic tradition we will discuss some related verses of the Qur'an, the sayings of Prophet Muhammad, Bilal, as well as Sufis like al-Ghazali, Sheykh Ahmad al-Alawi, Mir Damad, Farid al-Din Attar and Mulla Sadra, We will also make a special discussion of the carved sculpture as appeared in Borrobudur of Java. The concept of time-space, beings, levels of consciousness and the soul will also be discussed.

Keywords: Eschatology, Islamic tradition, Buddhism, Black Elk, *Bobo Hizan*, modern research.

Dr Mansoor Limba, Ateneo De Davao University, Philippines.

The Hermeneutics of Media Reporting on Violent Extremism in Mindanao: A Postmodernist Reading.

From the inception of ISIS (Islamic State of Iraq and Syria) in Syria among the rebel groups fighting against the Assad regime, to the spread of ISIS in Iraq and the rise of a certain Abu Bakr Baghdadi as the ISIS Leader, to the almost daily atrocities claimed by it in various countries, a specter of an unprecedented Islamist violent extremism has caught international attention. In the Philippines' southern island of Mindanao, violent extremism comes to the fore with ISIS-inspired militants' almost five months occupation of the Muslim-dominated city of Marawi on May 23, 2017. Taking postmodernist Jacques Derrida's 'grammatology' or semiotic analysis as the theoretical framework, this paper shall explore the textual interplay at work in the local media's discourse on violent extremism in Mindanao. Using Derrida's 'deconstruction' and 'double reading' tools, it shall particularly scrutinize the following terms: (1) radical/radicalism, (2) extremism, (3) religious extremism, (4) 'Maute Group', and (5) 'Islamic', 'un-Islamic', or 'Islamist' extremism. It shall be shown in this textual analysis that seemingly stable and natural concepts and relations within language are in fact artificial constructs, arranged hierarchically such that in the case of opposites in language one term is always privileged over the other, and how a text achieves its outward coherence and the internal tensions within a text that result from the use of ostensibly natural stabilizations. To conclude, in the Derridean jargon, there is always a multiple reading of a text.

Keywords: media discourse, ISIS, Mindanao, Derrida, postmodernism

Dr. Nurul Ain Norman, Persatuan Pendidikan Falsafah dan Pemikiran Malaysia (PPFPM).

Islam dan Pascamodenisme: Globalisasi atau Sarwajagat

Metod dekonstruktif yang digunakan oleh para pemikir pascamoden dalam menganalisa kandungan ilmu falsafah mendapat tentangan yang hebat kerana didapati menyah-nilaikan ilmu pengetahuan itu sendiri. Pandangan baru yang membentuk Revolusi Pasca-Industri ini membongkar keampuhan konstruksi metafizik yang dipandang sebagai skematis dan rigid serta dianggap penghalang kepada gerakan penyusunan semula rekabentuk dan pembangunan teori baru yang lebih relevan kepada realiti masyarakat hari ini. Mereka dikategorikan sebagai nominalistik kerana berpegang kepada komitmen dalam heterogeniti, fragmentasi dan perbezaan. Ia adalah satu bentuk penentangan kepada metod struktualistik dan realistik yang bertunjang dalam sejarah ilmu falsafah terdahulu dan sebelumnya. Kajian ini bertujuan untuk melihat semula kaedah pemikiran realistik yang berpegang teguh kepada konsep sarwajagat dan sudut relevannya kepada runkaian makna ketauhidan dalam rumpun ilmu metafizik (*ma ba'ad at-tabia'ah*) dan fizik (*ma war'a t-tabi'ah*) secara keseluruhannya. Para pemikir falsafah Islam yang kebanyakannya berkecimpung dalam arena pemikiran realistik atau spiritual-realistik berpasak kepada hujah-hujah akal yang jelas, nyata dan lahir dari hukum-hukum alam. Dengan penilaian perbezaan antara kaedah realistik dan kaedah dekonstruktif ini, para pengkaji akan dapat melihat perbezaan antara 'globalisasi' yang

dimaksudkan oleh para pemikir pascamodenisme dan 'sarwajagat' yang diketengahkan oleh kebanyakan para pemikir Falsafah Islam. Ini menepis gambaran negatif bahawasanya kaedah realistik adalah seumpama penjara kepada pembaharuan dan merupakan sebuah konstruksi yang beku dan pasif.

Kata kunci: pascamodenisme, Falsafah Islam, metafizik, nominalistik, realistik, globalisasi, sarwajagat.